

18/02/2003

Perasmian KLWFF penuh nostalgia

Akmal Abdullah; Zubir Mohd Yunus

MAJLIS pembukaan rasmi Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) 2003 malam Ahad lalu menjadi medan untuk mengimbas semula zaman kegemilangan filem Melayu era 50-an 60-an, selain ruang membina kesedaran baru betapa seni filem juga sewajarnya mampu membawa seruan keamanan.

Acara penuh nostalgia di Dataran Merdeka itu juga menyerlahkan beberapa

nama tokoh dan personaliti filem Malaysia yang banyak berjasa dan mengharumkan nama negara, selain sedutan ringkas penghargaan untuk Seniman

Agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee.

Sesuai dengan imejnya sebagai tuan rumah KLWFF 2003, Malaysia menunjukkan reputasi yang baik dengan majlis penuh gilang-gemilang yang turut disiarkan secara langsung menerusi TV1. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan acara itu kelihatan senyum berpanjangan tanda gembira dengan pembukaan festival itu yang berjaya mengumpul penyertaan 48

judul filem dari 38 negara, satu jumlah yang di luar jangkaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri mengajak karyawan supaya beralih kepada

usaha menghasilkan filem yang mampu mempromosikan ke arah keamanan dan sistem nilai yang baik dengan keupayaannya masih sebagai seni berunsurkan

hiburan dan popular.

Sambil menyifatkan penganjuran KLWFF bukan hanya kerana adanya sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) tetapi harus meningkatkan kesedaran untuk memupuk filem yang tidak bergantung pada unsur keganasan.

Pembukaan rasmi KLWFF juga mendapat perhatian ramai warga kota apabila kira-kira 10,000 orang berkumpul di Dataran Merdeka untuk menyaksikan satu

acara bersejarah apabila Kuala Lumpur memulakan penganjuran festival filem

tersendiri dengan memfokus pada temanya 'Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan, Tanpa Diskriminasi.'

Ia dimulakan dengan klip video dan suara latar mengimbas sejarah permulaan filem Melayu yang bermula pada 1933 menerusi Laila Majnun hingga

membawa kepada perkembangan yang penuh dramatik sehingga hari ini.

Penghargaan untuk P Ramlee dengan beberapa slot selingan filem lakonan dan arahnya mengundang kebanggaan tetamu tempatan yang hadir kerana Malaysia juga boleh bermegah dengan anak bangsanya yang disifatkan genius

dalam seni filem.

Ramai ahli delegasi dan tetamu turut terpesona dengan majlis pembukaan yang penuh simbolik apabila tayangan klip video memperkenalkan barisan bintang legenda filem Melayu yang dimulakan dengan sedutan filem lakonan seniwati Kasma Booty, Saadiah dan seniman Nordin Ahmad. Kemudiannya dipersembahkan tarian sebabak sambil diiringi lagu yang diambil dari

babak

filem Semerah Padi.

Turut diperkenalkan menerusi layar besar di dua skrin ialah seniwati Zaiton, Sarimah, seniman Ahmad Mahmud dan disusuli babak persembahan suasana dalam istana yang dipotretkan daripada filem Hang Tuah terbitan 1956. Ketika itu lagu Joget Pahang dialunkan dengan gerak dramatari lebih

40 penyanyi.

Tidak lengkap sejarah industri filem Melayu tanpa memperkenalkan seniwati Latifah Omar, Normadiah, Mustapha Maarof dan Datin Umi Kalthum sambil pementasan mengimbas semula filem Bawang Putih Bawang Merah dengan

iringan lagu Pohon Beringin (Buai Laju).

Bintang generasi 90-an juga tidak dilupakan apabila turut memperkenalkan kepada duta filem negara asing kelibat aksi Khalid Salleh menerusi filem Jogho, Sidi Oza (Sayang Salmah), Rosyam Nor (Lenjan) dan Khatijah Tan (Embun). Empat bintang filem ini pernah memenangi anugerah pelakon terbaik

atau pelakon pembantu terbaik di Festival Filem Asia Pasifik. Erma Fatima

dan Ellie Suriaty juga mengisi acara 'The Legends Of The Golden Classic' sebagai mewakili generasi baru perfileman Malaysia yang pernah mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Tepukan hadirin bergemuruh apabila beberapa bekas bintang filem Melayu yang masih hidup dijemput seorang demi seorang untuk naik ke pentas sebelum Dr Mahathir sudi tampil bertemu dan bersalaman dengan mereka.

Seniman dan seniwati terbabit ialah Datuk Maria Menado, Aziz Jaafar, Aziz

Sattar, Mustapha Maarof, Datuk Jins Shamsuddin, Datin Umi Kalthum, Wahid Satay, S Shamsuddin, Zaiton, Mariani, Datin Rosnani Jamil, Ibrahim Pendek,

Datuk L Krishnan, Salmah Ahmad, Datuk Jamil Sulong dan Erma yang mewakili

generasi muda filem Malaysia.

KLWFF berlangsung tiga hari yang diisi dengan tayangan filem, simposium

dan pertandingan untuk menentukan siapa pemenang tiga anugerah Filem Terbaik berasaskan tema festival itu.